

TARIKH	18 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	05	RUANGAN	SETEMPAT



GEMBIRA...Mariati (kiri) bersama Siti Asmidah dan Ishak melayan kerenah cucu sementara menunggu waktu berlepas di Kompleks Tabung Haji.

Tetamu Allah kali kedua

Warga emas bersyukur selepas tunggu puluhan tahun

KELANA JAYA: Bagi menggamit kembali pengalaman 40 tahun lalu apabila seorang warga emas dari Jelebu, Negeri Sembilan sekali lagi dijemput menjadi tetamu Allah untuk menunaikan Rukun Islam kelima.

Jemaah, Mariati Salleh, 78, ketika ditemui berkata, dia gembira dan tidak sabar untuk menjalani ibadat haji kerana tergambar suasana di Tanah Suci yang nyata berbeza berbanding ketika pertama kali menunaikan haji pada 1972.

"Syukur kerana sekali lagi saya dapat mengerjakan haji walaupun uzur dan sakit lutut, namun pemergian ka-

li ini ternyata berbeza.

"Saya akan lakukan ibadat haji dengan sempurna kerana puluhan tahun menunggu giliran untuk ke sana," katanya.

Mariati bersyukur kerana pemergiannya ke Makkah ditemani anak, Siti Asmidah Sanusi, 59, dan menantu, Ishak Rashid, 59.

Menceritakan lanjut pengalaman mengerjakan haji sebelum ini, Mariati berkata, dia antara jemaah terakhir berlepas ke Makkah dengan menaiki kapal laut di Pelabuhan Klang.

Menurut Mariati, waktu itu perjalanan pergi ke Makkah dan balik ke tanah air mengambil masa hampir 30 hari selain berada hampir

empat bulan di sana untuk mengerjakan ibadat haji.

"Pelbagai cabaran perlu diharungi jemaah ketika itu terutama masalah keselamatan dan kesihatan ketika berada di atas kapal laut selain berdepan ombak besar.

"Ketika itu saya pergi bersama arwah suami dan disebabkan perjalanan agak panjang, pelbagai keperluan makanan dibawa sebagai stok sepanjang tempoh berkenaan," katanya.

Katanya, walaupun cabaran ketika itu begitu besar, dia bersyukur kerana dapat menjalani ibadat haji dengan sempurna selain selamat sepanjang menunaikan ibadat itu.